

Kod Pusat	
Angka Giliran	
No. KP	

# PA

Kelolaan Bersama

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

dengan

LEMBAGA PEPERIKSAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEPERIKSAAN KERANI-KERANI RENDAH  
2014

PENGETAHUAN AM

Masa: 1 jam

Arahan:

1. Tulis Kod Pusat, Angka Giliran dan Nombor Kad Pengenalan (No. KP) kamu di dalam kotak yang disediakan.
2. Jangan dibuka buku soalan ini sehingga kamu diarahkan boleh berbuat demikian.
3. Baca dan fahamkan soalan-soalan yang diberikan sebelum kamu mula menjawab.
4. Kamu mestilah menjawab semua soalan.

---

UNTUK KEGUNAAN PEMARKAH SAHAJA

No. Kod Pemarah	
-----------------	--

Markah
--------



✓

✓

## BAHAGIAN A

Pilih jawapan yang betul dan tuliskan huruf (A, B, C atau D) dalam petak yang disediakan.

1. *Waterfront* telah ditukar nama menjadi \_\_\_\_\_ Bandar Seri Begawan pada 1 Januari 2013.
  - A. Dermaga Diraja
  - B. Istana Diraja
  - C. Padang Diraja
  - D. Tugu Diraja
  
2. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menerima anugerah '*Companion of the College*' dari *Royal College of General Practitioners* \_\_\_\_\_ pada hari Khamis, 3 Januari 2013.
  - A. Amerika Syarikat
  - B. Australia
  - C. New Zealand
  - D. United Kingdom
  
3. Perintah Pindaan Akta Kawalan Harga 2012 dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2013 memberikan kuasa kepada Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi untuk mengeluarkan kompaun tidak melebihi \_\_\_\_\_ jika syarikat-syarikat melakukan kesalahan atau melanggar undang-undang dan peraturan yang termasuk di dalam Perintah Pindaan Akta tersebut.
  - A. BND500
  - B. BND1000
  - C. BND1500
  - D. BND2000
  
4. Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) Sesi Ke-12 telah diadakan di Kaherah, \_\_\_\_\_.
  - A. Republik Arab Cairo
  - B. Republik Arab Mesir
  - C. Republik Arab Saudi
  - D. Republik Arab Turki

5. Majlis Ugama Islam \_\_\_\_\_ berperanan sebagai pembuat dasar menentukan hala tuju pentadbiran agama Islam di Negara Brunei Darussalam.
- A. Belait
  - B. Brunei
  - C. Temburong
  - D. Tutong
- 
6. \_\_\_\_\_ diwujudkan sebagai usaha Majlis Perundingan Kampung Kiudang/Mungkom ke arah perkembangan dan pembangunan masyarakat dan kampung yang memfokuskan aspek-aspek keceriaan, keindahan dan kebersihan.
- A. Projek Indah Desa (PID)
  - B. Projek Telor Masin
  - C. Projek Umbut Luba
  - D. Projek Ternakan Udang Galah
- 
7. Kajian Status Kesihatan dan Permakanan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Kedua (2009–2011) menunjukkan 8.8 peratus \_\_\_\_\_ mempunyai berat badan berlebihan.
- A. kanak-kanak
  - B. lelaki dewasa
  - C. perempuan dewasa
  - D. warga emas
- 
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan sebanyak \_\_\_\_\_ bagi belanjawan Tahun Kewangan 2013/2014.
- A. BND1.1 bilion
  - B. BND6.1 bilion
  - C. BND10.1 bilion
  - D. BND25.1 bilion
-

9. Tuan Yang Terutama Xi Jinping adalah Presiden \_\_\_\_\_
- A. Republik Rakyat China  
 B. Republik Rakyat Lao  
 C. Republik Kesatuan Myanmar  
 D. Republik Rakyat Taiwan
10. Penulis Buku Kampong Ayer Kenangan Abadi dan Buku Amalan Rahsia dan Kehebatan Ayat Al-Quran telah dipilih menerima Hadiah Buku Terlaris sempena \_\_\_\_\_ 2013 pada 28 Februari 2013.
- A. Pesta Buku  
 B. Pesta Jualan Hebat Hujung Tahun  
 C. Pesta Makan Tahun  
 D. Pesta Pantai
11. Johan qari Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1434 Hijrah / 2013 Masihi disandang oleh \_\_\_\_\_
- A. Awang Haji Mahrof bin Haji Chuchu  
 B. Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya  
 C. Awang Muhammad Zul Hafiz bin Awang Tengah  
 D. Awangku Haji Mohammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki
12. Kejohanan Bola Jaring Belia Asia Ke-8 yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiaah, Berakas dijuarai oleh Negara \_\_\_\_\_
- A. Hong Kong  
 B. Malaysia  
 C. Singapura  
 D. Sri Lanka
13. Penubuhan \_\_\_\_\_ Ke-61 pada 1 April 1952 selaras dengan motonya berbunyi 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'.
- A. Jabatan Adat Istiadat  
 B. Jabatan Bandaran  
 C. Jabatan Muzium  
 D. Jabatan Penerangan

14. Negara Brunei Darussalam telah menyambut Hari Keluarga Kebangsaan Ke-2 pada 5 Mei 2013 dengan tema '\_\_\_\_\_'.  
A. Keluarga Bahagia Hidup Berjaya  
B. Keluarga Ceria Hidup Bahagia  
C. Keluarga Harmoni Asas Kejayaan  
D. Keluarga Ku Harapan Ku
15. Sidang Kemuncak Air Asia-Pasifik Kali Kedua yang diadakan pada 19 hingga 20 Mei 2013 telah berlangsung di Chiang Mai, \_\_\_\_\_.  
A. Indonesia  
B. Malaysia  
C. Thailand  
D. Viet Nam
16. Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar telah melancarkan Kapal Peronda Anunan \_\_\_\_\_ pada hari Khamis, 30 Mei 2013.  
A. Jabatan Pelancongan  
B. Jabatan Perhutanan  
C. Jabatan Perikanan  
D. Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
17. \_\_\_\_\_ dibina untuk menghubungkan Daerah Temburong dengan Negeri Sarawak, Malaysia dan telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama dengan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak pada hari Ahad, 8 Disember 2013.  
A. Jambatan Jalinan Kasih  
B. Jambatan Kejiranan  
C. Jambatan Pandaruan  
D. Jambatan Persahabatan

18. Pada tahun 2012 sahaja Negara Brunei Darussalam telah mengimport bernilai BND34 juta bagi produk \_\_\_\_\_.

- A. anyaman
- B. pembalakan
- C. perikanan
- D. tanaman

19. Pada hari Isnin, 17 Jun 2013, Negara Brunei Darussalam telah diterima menjadi ahli *Food and Agriculture Organisation of the United Nation (FAO)* di Rom, \_\_\_\_\_.

- A. German
- B. Itali
- C. Peranchis
- D. Spain

20. Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned adalah Timbalan Menteri di \_\_\_\_\_.

- A. Jabatan Perdana Menteri
- B. Jabatan Perhutanan
- C. Jabatan Pertanian
- D. Jabatan Ukur

21. "Brunei tidak syak lagi, sudah amat serasi dengan aliran Ahli Sunnah Waljamaah. Dengannya, kita telah beroleh keamanan dan ketenteraman. Rakyat juga dilihat sebagai sangat selesa dengannya, bersatu padu dalam kehidupan dan segaya dalam ibadat. Mereka tidak pernah bertelingkah mengenainya."

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di majlis sambutan \_\_\_\_\_.

- A. Awal Tahun Hijrah 1434
- B. Awal Tahun Masihi 2013
- C. Hari Raya Aidiladha 1434 Hijrah
- D. Hari Raya Aidilfitri 1434 Hijrah

22. Jabatan Perkhidmatan Pos adalah di bawah \_\_\_\_\_.

- A. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
- B. Kementerian Pembangunan
- C. Kementerian Perhubungan
- D. Kementerian Pertahanan

23. Dato Seri Pahlawan Awang Bahrin bin Mohd Noor telah ditetapkan jawatan sebagai \_\_\_\_\_ yang baru pada hari Khamis, 22 Ogos 2013.
- A. Pesuruhjaya Buruh  
 B. Pesuruhjaya Perkhidmatan Awam  
 C. Pesuruhjaya Polis  
 D. Pesuruhjaya Tanah
24. Sukan SEA Ke-27 mencatat sejarah bagi atlet \_\_\_\_\_ Negara Brunei Darussalam apabila mengutip pingat emas pertama gandingan Faustina Woo Wai Sii dan Yang Shi Lee melalui acara Duilian 1 Wanita yang berlangsung di Stadium Tertutup Wunna Theitdi, Nyi Pyi Taw, Myanmar pada 10 Disember 2013.
- A. krate  
 B. renang  
 C. silat  
 D. wushu
25. \_\_\_\_\_ Ketiga telah berlangsung pada 27 hingga 29 Ogos 2013 di Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).
- A. Resolusi Seminar Sejarah Borneo  
 B. Resolusi Seminar Sejarah Kalimantan  
 C. Resolusi Seminar Sejarah Negara Brunei Darussalam  
 D. Resolusi Seminar Sejarah Republik Indonesia
26. Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Abd Haris bin Pengiran Haji Shahbudin telah dikurniakan Surat Watikah Pelantikan sebagai Pesuruhjaya Tinggi Brunei Darussalam ke Republik Rakyat \_\_\_\_\_.
- A. Bangladesh  
 B. India  
 C. Indonesia  
 D. Pakistan
27. 'Rakyat Kita, Masa Depan Kita Bersama' adalah tema sempena \_\_\_\_\_.
- A. Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 Tahun  
 B. Sambutan Awal Tahun Hijrah 1435  
 C. Sidang Kemuncak ASEAN Ke-23 di Negara Brunei Darussalam  
 D. Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-52 Tahun



28. \_\_\_\_\_ membolot pingat emas dalam Kejohanan Badminton sempena Pesta Sukan antara Mukim-Mukim Daerah Temburong yang telah diadakan di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, Temburong pada hari Ahad, 20 Oktober 2013.
- A. Mukim Kariam  
 B. Mukim Labi  
 C. Mukim Lumapas  
 D. Mukim Bokok
29. Akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah mula digazetkan pada \_\_\_\_\_ semasa Perasmian Majlis Ilmu 2013 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.
- A. 20 Oktober 2013  
 B. 21 Oktober 2013  
 C. 22 Oktober 2013  
 D. 23 Oktober 2013
30. Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin adalah Penerima \_\_\_\_\_ yang menerima wang tunai BND20000 berserta sijil penghormatan, cenderamata iringan dan kemudahan perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana hospital kerajaan di Negara Brunei Darussalam.
- A. Anugerah Bakti Hijrah 1435 Hijrah  
 B. Anugerah Guru Berjasa 2013 Masihi  
 C. Anugerah Pendidikan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien 2013 Masihi  
 D. Anugerah Tokoh Ugama 1435 Hijrah

(30 markah)

JUMLAH MARKAH	<input data-bbox="1305 1597 1458 1709" type="text"/>
---------------	--

## BAHAGIAN B

Tulis **BETUL** atau **SALAH** di ruangan yang disediakan di bawah ini:

31. Salah satu cabaran oleh Orang Berkeperluan Khas (OBK) ialah menjalani kehidupan dalam persekitaran fizikal orang normal. \_\_\_\_\_
32. Antara faktor yang dapat membantu kita untuk mencapai sikap istiqamah ialah *mujahadah* iaitu mengarahkan hati untuk berjuang melawan nafsu yang merangsang ke arah kejahatan. \_\_\_\_\_
33. Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusof telah melancarkan Majlis Sambutan Hari Kesihatan (Jantung) Sedunia 2013 yang disambut di seluruh dunia setiap 24 Mac di Pusat Promosi Kesihatan, *Commonwealth Drive*, Berakas pada hari Selasa, 2 April 2013. \_\_\_\_\_
34. Idea utama penerbitan Buku 'ASSOCIATION' ialah untuk melihat ASIA secara kemanusiaan dan peribadi kerana di sanalah ASIA mendapat kekuatan. \_\_\_\_\_
35. Resolusi Persidangan Hari Guru 2013 telah menghasilkan tiga kandungan yang berkisar mengenai Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Pendidikan Akademik Aliran Utama dan Pengajian Islam. \_\_\_\_\_

(10 markah)

JUMLAH MARKAH	
---------------	--

### BAHAGIAN C

Jawab soalan-soalan berikut di ruangan yang disediakan.

36. Kepulauan Borneo mendapat perhatian masyarakat dunia melalui satu projek '*The Heart of Borneo*' yang bertujuan bagi mendokong dan mengekalkan alam semula jadi yang kaya di Kepulauan Borneo. Nyatakan **dua dari negeri-negeri dan wilayah** yang terdapat di Kepulauan Borneo.

(a) \_\_\_\_\_

(b) \_\_\_\_\_

37. Program kelolaan dan tajaan kerajaan Jepun, iaitu Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara Tahun 2013 telah singgah ke beberapa tempat/bandar. Nyatakan **dua** daripada **tempat/bandar** yang disinggahi itu.

(a) \_\_\_\_\_

(b) \_\_\_\_\_

38. Berikan **nama dua jabatan/pejabat** yang terdapat dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

(a) \_\_\_\_\_

(b) \_\_\_\_\_

39. Sidang Kemuncak ASEAN Ke-23 mempunyai Rakan Dailognya dari beberapa buah negara kuasa besar dalam kesepaduan di rantau ASEAN. Berikan **dua** daripada **negara-negara kuasa besar** tersebut.

(a) \_\_\_\_\_

(b) \_\_\_\_\_

40. Berikan **nama lengkap** bagi singkatan huruf di bawah ini.

(a) JPI = \_\_\_\_\_

(b) JKP = \_\_\_\_\_

(20 markah)

JUMLAH MARKAH	
---------------	--

**BAHAGIAN D**

**Jawab semua soalan berikut:**

41. Senaraikan **lima buah bank** yang dilesenkan oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam.

- (a) \_\_\_\_\_
- (b) \_\_\_\_\_
- (c) \_\_\_\_\_
- (d) \_\_\_\_\_
- (e) \_\_\_\_\_

(5 markah)

42. Jawab soalan-soalan berikut yang berhubung kait dengan perkembangan Islam.

- (a) Tujuan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam memerintahkan para sahabat agar mereka berhijrah ke negeri Habsyah adalah untuk menyelamatkan iman, keselamatan diri dan mencari tapak baru untuk agama \_\_\_\_\_ berkembang.
- (b) Malam \_\_\_\_\_ adalah hari yang mana buku catatan amalan orang-orang Muslimin selama setahun diangkat ke langit dan diganti dengan buku catatan yang baru.
- (c) Perkara paling penting dan utama dalam menyambut hari raya ialah menunaikan \_\_\_\_\_ sunat hari raya.
- (d) Pada 27 Rejab sebelum Nabi Muhammad SAW berhijrah ke Mekah mencatat peristiwa penting dalam kerasulan Baginda iaitu peristiwa \_\_\_\_\_ yang mana peristiwa tersebut merupakan suatu bukti kebesaran, kekuasaan dan kehebatan Allah Subhanahu Wata'ala.
- (e) Puasa enam memiliki fadilat yang sangat besar. Puasa sunat ini dilakukan dalam bulan \_\_\_\_\_ selepas berpuasa penuh dalam bulan Ramadhan.

(10 markah)

43. Senaraikan lima nama jalan dalam kawasan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam.

- (a) \_\_\_\_\_
- (b) \_\_\_\_\_
- (c) \_\_\_\_\_
- (d) \_\_\_\_\_
- (e) \_\_\_\_\_

(5 markah)

44. **Jerebu** ialah satu fenomena yang berlaku apabila debu halus (*particle*) yang kering seperti habuk, asap dan sebagainya mencemari udara dan ia boleh menyebabkan kesan-kesan alahan (*allergy*). Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan **menasihatkan orang ramai supaya:**

- (a) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (b) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (c) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (d) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- (e) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(5 markah)

45. Senaraikan lima kawasan awam yang ditegah merokok di bawah Bab 14 Perintah Tembakau 2005.

(a) \_\_\_\_\_

(b) \_\_\_\_\_

(c) \_\_\_\_\_

(d) \_\_\_\_\_

(e) \_\_\_\_\_

(5 markah)


(30 markah)

JUMLAH MARKAH	
---------------	--

**BAHAGIAN E**

46. Isikan petak kosong dengan jawapan yang sesuai pada petak di bawah ini.

LAUTAN HINDI	KOREA SELATAN	SRI LANKA	LAUT ANDAMAN	INDIA
--------------	---------------	-----------	--------------	-------



(10 markah)

**SELESAI**

JUMLAH MARKAH	
---------------	--

